

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI TADBIR**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Gred	Jadual Gaji Minimum-Maksimum
Gred N41	: RM1911.00 - RM8646.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM 1,911.00); atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM 2,114.43); atau

(iii) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM 2,216.64)
- dan (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred N41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

SYARAT TAMBAHAN

3. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang perhubungan awam termasuk pengurusan aduan, pengendalian media dan pengurusan majlis rasmi.